

**BLANK PAGE**

## FRASA (8 markah)

**Arahan:** Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- ( 1 ) kerana aksi mereka agak melucukan
- ( 2 ) sebab kata-kata mereka mencuit hati
- ( 3 ) murid-murid darjah satu tidak dikecualikan
- ( 4 ) merasakan kemeriahan sukan seperti hari ini
- ( 5 ) merancang temasya sukan yang amat meriah
- ( 6 ) acara sukan baharu yang diperkenalkan pada tahun ini

Nabil : Hebat betul peserta-peserta sukan pada hari ini. Para penonton juga begitu ramai sekali.

Hakim : Sudah semestinya begitu. Kita sudah agak lama tidak **(26)** \_\_\_\_\_. Inilah temasya sukan paling hebat yang pernah sekolah kita anjurkan!

Nabil : Banyak **(27)** \_\_\_\_\_. Contohnya, acara larian 200 meter, acara larian berganti dan acara lompat pagar. Terasa seperti temasya Olimpik yang sebenar!

Hakim : Pada tahun ini juga, **(28)** \_\_\_\_\_. Mereka diberi peluang untuk menyertai acara lompat tali skip. Saya rasa sungguh seronok menonton acara sukan yang disertai oleh murid darjah satu tadi.

Nabil : Tentulah, saya juga rasa terhibur **(29)** \_\_\_\_\_. Sungguh comel! Mereka juga masih terlalu kecil untuk mengambil bahagian dalam acara yang mencabar.

Hakim : Saya amat senang dan teruja dengan acara temasya sukan ini dan saya berharap semoga temasya sukan dapat dilanjutkan pada tahun hadapan.

## Kefahaman 2: Rangsangan Grafik (10 markah)

Arahan: Teliti brosur yang berikut.

### Kelab Masyarakat Bahagia GAYA HIDUP SIHAT 2022

**Ahad, 20 Ogos 2022**  
**7 – 11 pagi**

**Yuran pendaftaran:**  
**\$2 setiap peserta**



**PERCUMA:** Sehelai kemeja-T dan sepasang stoking untuk 30 pendaftar pertama.

## SEMUA DIPERSILAKAN HADIR !

#### Aktiviti pada hari tersebut :

7.00 pagi : Senaman aerobik bersama tetamu terhormat.

8.30 pagi : Berbasikal di sekeliling kawasan perumahan Hougang.

9.30 pagi : Ceramah khas oleh doktor pakar pemakanan.

Pelbagai jenis barangan sukan berjenama dijual dengan potongan harga:

beg sukan                  kasut sukan

raket badminton

jersi bola sepak      pakaian renang

**Hadiah misteri bagi setiap pembelian melebihi \$100.**

#### Butir-butir penting :

1. Muat turun dan isikan borang penyertaan dari laman web [www.GayaHidupSihat.com.sg](http://www.GayaHidupSihat.com.sg)
2. Pendaftaran harus dibuat di Kelab Masyarakat Bahagia selewat-lewatnya sebelum 15 Ogos 2022.
3. Membuat bayaran untuk jumlah peserta. Pendaftaran tanpa bayaran tidak akan diterima.

#### AKTIVITI KHAS BERSAMA KELUARGA!

Ayuh, bersenam sambil mengeratkan hubungan bersama keluarga. Anda harus mendapatkan empat ahli keluarga untuk menyertai salah satu daripada acara-acara yang berikut:

- baling bola
- lompat tali
- tarik tali

**Arahan:** Berdasarkan brosur di halaman 3, pilih jawapan yang paling sesuai bagi Soalan 30 hingga Soalan 32. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan. Bagi Soalan 33, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan di halaman 4.

**30** Tujuan utama Kelab Masyarakat Bahagia menganjurkan aktiviti ini adalah untuk \_\_\_\_\_.

- (1) mengedarkan sehelai kemeja-T secara percuma
- (2) menggalakkan peserta-peserta untuk hidup sihat
- (3) mencadangkan setiap penduduk untuk hidup bergaya
- (4) memberi peluang untuk peserta mengeratkan hubungan keluarga

**31** Aktiviti berbasikal bermula \_\_\_\_\_.

- (1) serentak dengan senaman aerobik
- (2) selepas ketibaan tetamu terhormat
- (3) dari kawasan perumahan Hougang
- (4) sebelum ceramah khas oleh doktor pakar

**32** Pendaftaran untuk aktiviti ini harus dilakukan \_\_\_\_\_.


- (1) tanpa bayaran
- (2) sebelum 15 Ogos 2022
- (3) tanpa penyertaan daripada ahli keluarga
- (4) bersama permainan baling bola dan tarik tali

SOALAN	JAWAPAN
30	
31	
32	

- 33 Kamu berhasrat untuk mengajak ayah kamu menyertai aktiviti Gaya Hidup Sihat ini dengan kamu. Untuk meyakinkan ayah kamu, kamu harus menerangkan kepadanya **dua** syarat yang perlu ditepati untuk menyertai aktiviti Gaya Hidup Sihat.

Gunakan informasi dalam brosur di halaman 4 untuk melengkapkan pesanan ringkas di bawah ini.

(4 markah)



Ayah, sebelum kita menyertai aktiviti Gaya Hidup Sihat ini, kita mestilah \_\_\_\_\_

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

**BLANK PAGE**

## KEFAHAMAN 2 (22 markah)

**Arahan:** Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

“Zaki! Bangun!” jerit ibuku.

Bengang aku mendengar suara ibu. Aku tidak faham mengapa ibu mahu aku bangun awal pada hari itu walaupun hari itu hari Ahad.

“Zaki, ibu mahu kamu ikut ibu ke pasar. Ibu perlukan pertolongan Zaki untuk mengangkat barang-barang itu, nak.” Kata ibuku.

Aku tidak mengendahkan kata-kata ibu. Aku perlu berehat kerana dari hari Isnin hingga Jumaat, aku banyak menghabiskan masa di perpustakaan untuk membuat projek sekolah. Pada hari Sabtu pula, aku perlu menghadiri kelas tambahan. Hari Ahad ini sahajalah yang aku dapat berehat secukupnya.

Tidak lama kemudian, aku dengar bunyi pintu rumah ditutup. Aku juga mendengar geseran tapak kaki yang meninggalkan rumahku. Aku rasa ibu sudah putus asa. Itu bermakna aku boleh teruskan tidurku. Sejam kemudian, aku terdengar deringan telefon. Aku pun mengangkat gagang telefon. Setelah mendengar kata-kata orang yang menelefon rumahku, aku berasa cemas.

“Baiklah, saya akan ke hospital sekarang. Terima kasih, Cik Siti,” kata diriku.

Cik Siti ialah jiranku. Dia sangat rapat dengan keluargaku. Kadangkala, dia akan berkongsi lauk-pauk yang dimasaknya. Ada masa juga, dia akan menemani ibu di rumah ketika aku berada di sekolah. Tadi, dia memberitahuku bahawa dompet ibuku telah diragut oleh seorang pemuda. Ketika mengejar pemuda itu, ibuku tersungkur lalu terjatuh. Ibu mengalami kecederaan pada kepala dan kakinya. Cik Siti yang kebetulan berada di sana telah menelefon ambulans. Rupa-rupanya, Cik Siti yang menemankan ibu ke pasar

Apabila berada di dalam teksi, wajah ibu bermain-main di fikiran. Air mataku mengalir tidak henti. Aku terkenangkan segala jasa ibu. Aku kecewa dengan diriku. Ibu hanya memintaku untuk mengikutnya ke pasar namun aku enggan melakukannya. Aku juga sengaja mendiamkan diri apabila ibu mengejutkanku pada pagi tadi.

Apabila tiba di hospital, aku terus ke wad kecemasan. Aku nampak ibu keluar dari sebuah bilik. Kepala dan kakinya dibalut. Hatiku remuk. Aku menghampiri ibu lalu mendakapnya erat-erat. Aku meminta maaf kepadanya ke atas perbuatanku pagi tadi.

“Zaki, sebenarnya ibu hanya ingin meluangkan masa dengan kamu. Sebab itu, ibu mengajak Zaki untuk menemani ibu ke pasar. Ibu ingin tahu apa yang sedang berlaku dalam kehidupanmu,” kata ibu.

Aku menangis. Aku sedar akibat sikap mementingkan diriku sendiri, aku hampir kehilangan ibu buat selama-lamanya. Aku berjanji untuk menghargai ibuku sepanjang hidupku.

**Arahan:** Berdasarkan petikan karangan yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

**34** Nyatakan perasaan Zaki pada pagi itu ketika disuruh bangun oleh ibunya? (2 markah)

---

---

---

---

---

---

---

**35** Berikan dua bukti yang menunjukkan Zaki jarang ada di rumah. (4 markah)

---

---

---

---

---

---

---

**36** Bagaimana Zaki tahu ibunya sudah putus asa untuk mengejutnya? (2 markah)

---

---

---

---

---

---

---



**37** Cik Siti seorang jiran yang baik. Berikan **dua** bukti yang menunjukkan sikap tersebut. (4 markah)

---

---

---

---

---

---

**38** Zaki berasa bersalah terhadap kemalangan yang menimpa ibunya. Berikan **dua** bukti yang menyokong kenyataan ini. (4 markah)

---

---

---

---

---

---

**39** Berikan **dua** sebab utama mengapa ibu Zaki mahu mengajak anaknya ke pasar pagi itu. (4 markah)

---

---

---

---

---

---

**40** Terdapat perkataan dalam petikan yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut. Kemudian tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

(2 markah)

**(a)** jatuh ke hadapan

---

**(b)** tidak mahu

---

**Selesai**

